

25/03/2002

KMC rancang bina kilang di Malaysia

Karim Sulaiman

KIA Motors Corporation (KMC) merancang menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran bagi kenderaannya untuk pasaran seluruh rantau ini.

Naib Presiden Eksekutif Kanan yang juga Ketua Pegawai Operasi Bahagian Pemasaran dan Jualan Luar Negara KMC, Mark Myung-Hun Juhn, berkata Malaysia mempunyai banyak kelebihan untuk tujuan itu berbanding negara lain di rantau ini.

Katanya, kedudukan ekonomi dan politik Malaysia yang lebih kukuh berbanding negara lain adalah antara ciri penting KMC memilih Malaysia untuk dijadikan tapak kilang kenderaan Kia.

Selain itu, katanya, Malaysia mempunyai kedudukan strategik, ciri penduduk dan tahap pendapatan memberangsangkan yang sesuai bagi tujuan itu.

"Kami mempunyai rancangan untuk membina kilang di Malaysia. Kami mahu melaksanakan rancangan itu secepat mungkin.

"Bagaimanapun, saya tidak dapat memberitahu tarikhnya. Apabila keadaan mengizinkan kami akan laksanakan projek itu," katanya dalam pertemuan dengan wartawan Malaysia yang mengikuti lawatan Kia Vision 21 di Seoul, Korea, minggu lalu.

Kia Vision 21 adalah program memperkenalkan wawasan KMC pada abad ke-21. Selain wartawan, rombongan Malaysia seramai 42 orang turut disertai wakil penjual, bahagian perkhidmatan, penyelenggaraan dan kakitangan ibu pejabat Naza Kia Sdn Bhd (Naza Kia).

Naza Kia adalah pemegang francais dan pengedar kereta keluaran Kia dari Korea Selatan di negara ini.

Ditanya kos projek itu, beliau berkata, ia masih dalam perancangan dan terlalu awal untuk menentukannya.

Katanya, beberapa rundingan termasuk dengan Naza Kia sudah dijalankan bagi tujuan itu.

Tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan syarikat gergasi automotif Korea Selatan melabur di negara ini dengan usaha sama bagi mengeluarkan komponen automotif untuk pasaran tempatan.

Korea Selatan dikenali kerana mengeluarkan komponen automotif bermutu tinggi pada kos rendah.

Dr Mahathir berharap, Kia Motors dan pengeluar automotif Korea Selatan lain akan meninjau kemungkinan melabur dalam pengeluaran komponen bagi Malaysia dan negara lain di rantau Asean.

Pengerusi Naza Kia, Tan Sri Abdul Aziz Ismail sebelum ini dilaporkan berkata, pihaknya sudah mengadakan rundingan dengan Kia Motors bagi membina loji pemasangan kenderaan di Malaysia.

Mengikut laporan itu, rancangan pembinaan loji itu membabitkan kos di antara RM150 juta hingga RM200 juta.

Pada masa ini, Naza Kia dan KMC melaksanakan program pemasangan komponen secara tercurai (CKD) di Malaysia. Projek pertama ialah pengeluaran model Spectra 1.6 liter (automatik) tahun lalu, yang dipasang sepenuhnya di luar Korea di loji pemasangan kenderaan Automotive Manufactures Malaysia milik Kumpulan DRB-Hicom di Pekan, Pahang.

(END)